

23 JUN 2001

Mahathir-Melayu

MAHATHIR JELASKAN MAKSUD UCAPAN DASARNYA MENGENAI KELEMAHAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak percaya orang Melayu bangsa yang bodoh apabila membangkitkan kelemahan orang Melayu dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung Umno dua hari lepas.

Beliau berkata orang Melayu tidak kurang berbanding bangsa-bangsa lain tetapi mereka lemah kerana tidak berusaha bersungguh-sungguh dalam memajukan diri dalam menguasai ilmu pengetahuan dan melakukan sesuatu dengan tekun dan berulang-ulang kali.

"Saya percaya ramai anak lelaki Melayu tidak belajar langsung dan sebab itulah mereka teruk dalam pelajaran", katanya pada ucapan penggulungan Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini yang berakhir hari ini.

Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata seseorang itu tidak akan cekap kalau tidak berusaha bersungguh-sungguh tetapi jika sesuatu itu dipelajari berulang-ulang kali, tentu mereka akan cekap.

Beliau berkata maksud ucapannya ialah meminta anak lelaki Melayu supaya belajar bersungguh-sungguh dan tidak bergantung harap kepada kuota untuk memasuki pusat pengajian tinggi.

Dr Mahathir berkata jika anak-anak Melayu kuat belajar, kuota 55:45 kemasukan pelajar bumiputera dengan Cina ke universiti awam tidak diperlukan kerana mereka boleh mendapat kuota 100 peratus sebab memang layak.

Katanya, jika dilihat secara keseluruhannya antara universiti awam dan universiti swasta, jumlah pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi cuma 25 peratus sahaja.

Beliau berkata kualiti pelajaran anak-anak Melayu sebenarnya masih rendah dan disebabkan itulah mereka tidak mendapat ijazah kelas satu.

"Saya nak tunjuk cara belajar, itu maksud saya. Tiada jalan short-cut (singkat)...jangan cari jalan mudah. Kalau ikut short-cut kita akan tersungkur", katanya.

Perdana Menteri berkata anak-anak Cina pandai bukan kerana otak mereka tetapi kerana mereka belajar bersungguh-sungguh.

"Sebab tu saya nak minta anak Melayu belajar bersungguh-sungguh, jangan pergi dengar syarahan PAS, yang tu tak boleh tolong depa lulus periksa. Bangun pagi-pagi terus baca buku, buat ulangkaji kerja rumah, belajar berulang kali, mereka akan berjaya",katanya.

Dr Mahathir mencuit perhatian perwakilan apabila berkata bahawa adalah tidak memadai dengan hanya memakan telur untuk berjaya dalam pelajaran seperti yang dicadangkan oleh perwakilan dari Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin semasa membahaskan ucapan dasar presiden Khamis lepas.

"Saya kagum dengan (perbahasannya) yang lain tetapi saya tidak bersetuju dengan cadangannya itu apabila beliau hanya menyuruh makan telur tetapi tidak menyebut tentang baca buku bila bangun pagi," katanya.

"Kalau betul makan telur boleh cerdas otak, bagi tau banyak mana mahu telur, saya boleh bagi banyak mana yang mahu. Sebenarnya tidak ada short cut. Kena baca buku," katanya sambil disambut dengan gelak ketawa perwakilan dan pemerhati.

Dr Mahathir menasihatkan pelajar jangan menghabiskan masa mendengar ceramah politik parti PAS yang "bukan sahaja tidak membantu mereka maju dalam pelajaran tetapi juga tidak menambah ilmu agama."

Beliau berkata antara bukti orang Melayu berkebolehan ialah kemampuan

orang Melayu dari dua buah syarikat tempatan yang mengeluarkan mikro-cip yang setiap satu boleh menampung dua juta "switches".

Katanya, beliau sendiri dahulu tidak menjangka syarikat petroleum negara, Petronas boleh menandingi syarikat-syarikat minyak antarabangsa dan kini beroperasi di 25 buah negara termasuk mengeluarkan 200,000 tong minyak sehari di Sudan dan mengeluarkan gas cecair di Algeria.

Dr Mahathir juga membidas PAS kerana menghalang orang Melayu untuk muncul sebagai satu bangsa yang maju dengan sentiasa menghalang usaha kerajaan untuk membangunkan orang Melayu.

Katanya, antara punca kenapa orang Islam mundur ialah kerana di kebanyakan negara Islam wujud satu kumpulan dari orang Islam sendiri seperti PAS yang akan menentang usaha pembangunan dan pemodenan umat dengan mengatakan ia sekular dan tidak dituntut oleh Islam.

Beliau berkata kumpulan itu mengatakan memodenkan negara adalah kafir sehingga mereka sanggup membunuh sesama Islam dan di negara ini sudah muncul kumpulan seperti itu, seperti Al-Ma'unah dan satu kumpulan yang mempunyai hubungan antarabangsa yang dikesan baru-baru ini.

"...inilah kesan kafirkan orang Umno oleh PAS, kita tidak harus pandang ringan masalah ini" katanya.

Dr Mahathir berkata mereka yang tidak mahu melihat umat Islam maju sebenarnya mempunyai kepentingan tertentu agar tiada negara Islam yang akan maju dan dengan itu semua negara Islam menjadi lemah dan begitulah yang berlaku di negara seperti Palestin, Iraq dan sebagainya.

-- BERNAMA

AZE ZS MOZ